

04 APR 1997

LEAD Demonstrasi-Mahathir

MAHATHIR KECEWA TUNJUK PERASAAAN ANTI ISRAEL

KOTA BAHARU, 4 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini kecewa dengan tindakan segelintir penuntut Universiti Malaya dan anggota Pas yang mengadakan tunjuk perasaan membantah kehadiran pasukan kriket Israel pada kejohanan Piala Kriket Antarabangsa sambil menyifatkan tindakan mereka itu sebagai "bodoh".

"Itu satu kebodohan. Kita nak tunjuk kepada orang Israel bahawa orang Islam adalah manusia yang berfikiran waras tetapi dengan perbuatan ini segala tujuan dan hasrat itu tidak tercapai," katanya kesal ketika mengulas kejadian itu di sini.

Menurutnya tindakan mengadakan tunjuk perasaan itu tidak akan mendatangkan sebarang faedah dan kesan berhubung isu Yahudi dan Palestin kerana "kalau mereka pergi ke negara Arab lain mereka akan bertemu dengan tindakan yang sama".

"Kita nak tunjuk bahawa orang Islam di Malaysia boleh melakukan sesuatu dengan tidak terlalu beremosi, tetapi ini pergi buat demonstrasi, bodohlah itu," katanya.

"Kita bukan ada hubungan dengan Israel, kita tak ada apa hubungan tetapi kita nak tunjuk kepada terutama orang muda mereka (Israel) bahawa jangan sokong orang macam (Benjamin) Netanyahu (Perdana Menteri Israel), tetapi kalau kita tolak dia kepada Netanyahu, maka Netanyahu akan jadi lebih kuat," katanya.

Dr Mahathir berkata demonstrasi itu tidak akan membantu perjuangan rakyat Palestin sebaliknya hanya menggalakkan kedua-dua pihak untuk terus berperang.

"Apa yang boleh kita buat untuk tolong. Mudah untuk kita demonstrasi suruh kekalkan peperangan antara Yahudi dan Palestin kerana kita tidak pergi berperang.

"Kita duduk di sini sedap demonstrasi sahaja sebab kita tahu demonstrasi di Malaysia orang tak tembak kita tapi di negara lain buat demonstrasi kena tembak," kata Perdana Menteri.

Beliau menasihati kumpulan penunjuk perasaan itu supaya menghentikan bantahan mereka yang seolah-olah cuba menggalakkan peperangan antara Palestin dan Yahudi.

"Di sini orang ambil kesempatan (mengadakan demonstrasi) sebab kita lembut tetapi kalau berani pergilah berperang sendiri, janganlah suruh orang lain berperang," katanya.

Pagi tadi, ketika merasmikan kilang tekstil kepunyaan KUB Malaysia Berhad di kawasan perindustriaan Pengkalan Chepa, Dr Mahathir menjelaskan tujuan kerajaan pusat membenarkan pasukan kriket Israel itu menyertai kejohanan ICC yang sedang berlangsung di Kuala Lumpur.

Beliau berkata, media antarabangsa yang dikuasai oleh Barat dan Yahudi sentiasa memburuk-burukkan imej negara Islam sehingga memaparkan imej yang hodoh mengenai orang Islam.

"Inilah peluang kita untuk membuktikan bahawa orang Islam di Malaysia mampu menjadi contoh di kalangan negara-negara Islam yang lain dan bahawa tanggapan Barat terhadap kita tidak benar kerana kita tidak mempunyai imej demikian," katanya.

Di KUALA LUMPUR, polis menahan 49 lelaki penunjuk perasaan berumur antara 20 dan 48 tahun di hadapan pintu besar Universiti Malaya (UM) petang ini manakala kira-kira 50 orang lagi, yang masih berada dalam masjid berhampiran, enggan menyerah diri kepada polis yang mengepung masjid itu

sejak kira-kira 2 petang.

Dalam kejadian itu, kira-kira 500 orang terdiri daripada penuntut UM dan anggota PAS, mulai berkumpul di hadapan pintu masuk utama UM dengan pelbagai sepanduk membantah kehadiran pasukan kriket Israel sambil melaungkan perkataan anti Israel.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Ismail Che Rus, berkata polis bersedia lebih awal pagi ini di kawasan itu kerana mengetahui bahawa kumpulan itu akan berhimpun beramai-ramai untuk demonstrasi itu.

Kira-kira pukul 2 petang, selepas umat Islam menunaikan sebahyang Jumaat, mereka mulai berkumpul dengan sepanduk serta laungan anti Israel tanpa mengendahkan amaran polis supaya bersurai.

Beliau berkata polis terpaksa bertindak melepaskan gas pemedih mata dan menahan mereka selepas keadaan tidak dapat dikawal apabila para penunjuk perasaan itu melemparkan batu dan kayu.

"Kesemua mereka kini telah ditahan di Balai Polis Brickfields dan akan didakwa dibawa Seksyen 27 Akta Polis," katanya pada berita di Balai Polis Pantai, di sini petang ini.

Minggu lepas, kumpulan anggota PAS juga melakukan demonstrasi membantah kehadiran pasukan kriket itu dengan berarak dari Dataran Merdeka sehingga ke perkarangan Jabatan Perdana Menteri. Bagaimanapun tiada sesiapa yang ditahan polis.

Sebelum ini, Ismail mengeluarkan kenyataan dua kali mengingatkan orang ramai supaya tidak mengulangi perhimpunan haram itu dan memberi amaran bahawa polis akan mengambil tindakan.

Pasukan kriket Israel itu menamatkan perlawanan mereka hari ini dengan menentang pasukan Argentina petang ini di Sekolah Menengah Victoria Institution.

-- BERNAMA

RAR SN AHH